



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
Lembaga Peperiksaan

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

**2021**

**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN DAN ARAHAN PEPERIKSAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
2021**

**BAHAGIAN A  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI (JPN) - ARAHAN AM**

Pihak JPN hendaklah:

1. memaklumkan kepada sekolah untuk memuat turun Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2021 dari portal rasmi Lembaga Peperiksaan ([lp.moe.gov.my](http://lp.moe.gov.my)).
2. mencetak dan mengedarkan Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2021 kepada semua calon persendirian.
3. memberitahu calon tentang Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2021 sebelum peperiksaan.
4. menyemak bahan peperiksaan yang diterima menepati keperluan menjawab kertas peperiksaan yang ditawarkan pada tahun semasa.
5. merujuk kepada buku Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis dan buku Panduan Pengurusan Peperiksaan yang sedang berkuat kuasa.

**BAHAGIAN B  
PENGETUA - ARAHAN AM**

Pengetua hendaklah:

1. mengedarkan Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2021 kepada semua calon sekolah.
2. memberitahu calon tentang Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2021 sebelum peperiksaan.
3. menyemak bahan peperiksaan yang diterima menepati keperluan menjawab kertas peperiksaan yang ditawarkan di sekolah pada tahun semasa.
4. memastikan calon tidak membawa masuk bahan-bahan terlarang seperti yang termaktub dalam Bahagian D, Perkara 7 Larangan di Dewan/Bilik Peperiksaan.
5. merujuk kepada buku Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis yang sedang berkuat kuasa.

## **BAHAGIAN C**

### **KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN - ARAHAN AM**

Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah:

1. memastikan semua Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan dalam Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2021 dimaklumkan kepada calon.
2. meminta semua calon untuk memeriksa dan memastikan calon tidak membawa masuk bahan-bahan terlarang seperti yang termaktub dalam Bahagian D, Perkara 7 Larangan di Dewan/Bilik Peperiksaan.
3. mencatatkan pada papan tulis dan maklumkan kepada calon butiran kod kertas, nama kertas,waktu, masa peperiksaan dan *errata* (jika ada) bagi kertas peperiksaan.
4. membenarkan kalkulator dibawa masuk ke Dewan/Bilik Peperiksaan.
5. mengedarkan kertas peperiksaan mengikut tarikh dan waktu yang tercatat dalam Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2021.
6. mengedarkan kertas peperiksaan dengan muka hadapan kertas peperiksaan di sebelah atas.
7. mengarahkan calon supaya menyemak butiran kod kertas, nama kertas, masa peperiksaan dan arahan pada muka hadapan kertas peperiksaan bagi memastikan calon mendapat kertas peperiksaan yang betul.
8. mengedarkan kertas jawapan mengikut keperluan mata pelajaran seperti yang tercatat pada muka hadapan kertas peperiksaan.
9. memastikan calon mengemukakan dokumen sokongan seperti surat perakuan doktor sebagai bukti calon tidak dapat menduduki mana-mana kertas peperiksaan.
10. memastikan bilangan skrip jawapan peperiksaan yang dikumpul dan dicatat pada borang LP/Am 29 akur dengan bilangan calon dalam Buku Rekod Pengawasan Peperiksaan (BRP) LP/Am 25 bagi sesuatu kertas peperiksaan.
11. menyediakan laporan menggunakan Borang LP/Am 30 sekiranya calon melanggar sebarang peraturan peperiksaan pada Bahagian D, Perkara 7 Larangan di Dewan/Bilik Peperiksaan.
12. memastikan calon mengisi Borang LP/Am 31 sekiranya calon melanggar sebarang peraturan peperiksaan pada Bahagian D, Perkara 7 Larangan di Dewan/Bilik Peperiksaan.
13. merujuk kepada buku Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis yang sedang berkuat kuasa.

## BAHAGIAN D

### CALON - ARAHAN, AMARAN, LARANGAN DAN PERINGATAN

#### 1. ARAHAN AM

- 1.1 Calon **wajib** menduduki semua kertas peperiksaan bagi mata pelajaran yang didaftarkan. Calon yang tidak dapat menduduki mana-mana kertas peperiksaan bertulis atau melaksanakan Ujian Bertutur, Ujian Mendengar, Ujian Lisan dan Ujian Amali Sains akan dianggap **TIDAK HADIR** bagi mata pelajaran berkenaan. Calon yang tidak dapat menduduki atau tidak hadir sesuatu kertas peperiksaan dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan seperti surat perakuan doktor atau surat kebenaran khas Pengarah Peperiksaan. Dokumen sokongan ini hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan sebelum tamat tempoh peperiksaan SPM 2021.
- 1.2 Calon hendaklah menyemak butiran pada **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** sebelum peperiksaan. Calon hendaklah memaklumkan kepada pihak JPN sekiranya terdapat kesilapan maklumat dan mengisi Borang Pembetulan Maklumat Calon. Calon dikenakan bayaran **RM30.00**. Pembayaran hendaklah dibuat kepada pihak JPN atas nama Akauntan Negara Malaysia menggunakan Kiriman Wang/Wang Pos.
- 1.3 Calon hendaklah mengemukakan **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** kepada Ketua Pengawas Peperiksaan di pusat peperiksaan selain dari pusat peperiksaan asal calon. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah menyemak maklumat calon dan maklumat mata pelajaran sebelum membenarkan calon menumpang di pusat peperiksaan seliaannya.
- 1.4 Calon hendaklah membaca Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2021 dan menandatangani Borang Pengakuan Calon.

#### 2. ARAHAN DI DEWAN/BILIK PEPERIKSAAN

- 2.1 Calon hendaklah berada di tempat duduk di dalam Dewan/Bilik Peperiksaan **15 minit** sebelum peperiksaan dimulakan.
- 2.2 Calon hendaklah meletakkan **Kad Pengenalan** atau **Dokumen Pengenalan Diri** atau **Borang Pengenalan Diri Calon (LP/Am 118)** atau **Surat Perakuan Pengenalan Diri** di penjuru kanan sebelah label meja sepanjang waktu peperiksaan. Calon dilarang menduduki peperiksaan tanpa dokumen berkenaan.
- 2.3 Calon dibenarkan menduduki peperiksaan atas budi bicara Ketua Pengawas Peperiksaan sekiranya tiba **30 minit selepas peperiksaan dimulakan**. Calon mesti mengemukakan alasan yang kukuh. Masa gantian tidak akan diberikan.
- 2.4 Calon boleh membuat bantahan sekiranya telah mendaftar untuk menduduki sesuatu mata pelajaran dalam tempoh pendaftaran tetapi kod kertas peperiksaan tersebut tidak tercatat dalam mana-mana dokumen rujukan calon. Calon hendaklah mengemukakan **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** dari Lembaga Peperiksaan yang mengandungi **kod kertas, nama kertas** dan **jenis peperiksaan SPM 2021** sebagai bukti pendaftaran. Calon tidak dikenakan bayaran. Lembaga Peperiksaan berhak untuk tidak mengeluarkan keputusan calon sekiranya tiada bukti pendaftaran telah dilaksanakan.

### 3. ARAHAN TENTANG KERTAS PEPERIKSAAN

Calon hendaklah:

- 3.1 menyemak butiran kod kertas, nama kertas, masa peperiksaan dan arahan pada muka hadapan kertas peperiksaan bagi memastikan calon mendapat kertas peperiksaan yang betul.
- 3.2 memaklumkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan dengan segera jika menerima kertas peperiksaan yang **salah** atau **tidak lengkap**.
- 3.3 **membaca** dan **mematuhi semua arahan** pada muka hadapan dan muka belakang (jika ada) kertas peperiksaan sebelum peperiksaan dimulakan.

### 4. ARAHAN TENTANG KERTAS JAWAPAN DAN SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN

Calon hendaklah:

- 4.1 menyemak label butiran maklumat diri dan peperiksaan pada muka hadapan skrip jawapan peperiksaan. Calon dilarang menulis atau membuat sebarang tanda pada label berperekat.
- 4.2 menulis **Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri** dan **Angka Giliran** dengan jelas dan betul pada muka hadapan skrip jawapan peperiksaan.
- 4.3 menulis jawapan pada ruangan yang dibenarkan dengan menggunakan pena mata bola berdakwat hitam atau biru. Pensel atau pena mata bola berdakwat selain hitam atau biru boleh digunakan untuk melukis gambar rajah dan peta. Calon dilarang menulis atau membuat sebarang tanda pada label berperekat.
- 4.4 menulis semua jawapan dalam Bahasa Melayu kecuali bagi kertas peperiksaan yang membenarkan atau memerlukan calon menjawab dalam bahasa lain.
- 4.5 menulis dengan jelas nombor soalan pada kertas jawapan seperti yang tertera pada kertas peperiksaan. Calon tidak perlu menyalin soalan.
- 4.6 memastikan **Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri, Nama Kertas, Kod Kertas** dan **Nombor Soalan** telah ditulis dengan betul pada ruangan yang disediakan pada kertas peperiksaan dan kertas jawapan seperti Buku Jawapan (BJ) apabila diarah berhenti menulis.
- 4.7 berada di tempat duduk yang ditetapkan semasa skrip jawapan peperiksaan dikumpul semula oleh Pengawas.

## 5. ARAHAN TENTANG JAWAPAN OBJEKTIF BERMAKLUMAT (JOB) DAN JAWAPAN OBJEKTIF TIDAK BERMAKLUMAT (JOTB)

- 5.1 Calon yang menerima kertas JOB hendaklah menyemak **Nama Calon, Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri, Kod Kertas** dan **Nama Kertas** pada kertas JOB berkenaan. Calon **dilarang** membuat sebarang pindaan terhadap maklumat yang telah dicetak pada Bahagian A. Kosongkan Bahagian B dan Bahagian C.
- 5.2 Calon hendaklah memaklumkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan dengan segera jika menerima kertas JOB yang **salah** atau **tidak lengkap**.
- 5.3 Calon yang menerima kertas JOTB hendaklah melengkapkan **Nama Calon, Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri, Kod Kertas** dan **Nama Kertas** pada ruangan yang disediakan dan hitamkan ruang yang berkenaan. Kosongkan Bahagian B dan Bahagian C.
- 5.4 Calon hendaklah menanda ruangan BAHASA DIGUNAKAN untuk menjawab kertas peperiksaan yang berkenaan.
- 5.5 Calon hendaklah menggunakan pensel 2B atau BB sahaja.
- 5.6 Calon hendaklah memastikan ruang jawapan yang dihitamkan memenuhi keseluruhan ruang.
- 5.7 Calon hendaklah menggunakan getah pemadam jenis lembut sahaja untuk memadamkan hingga bersih tanda jawapan yang tidak dikehendaki. Calon dilarang menggunakan pemadam jenis cecair, kimia, pelekat atau seumpamanya.
- 5.8 Calon dilarang melipat, menggulung atau merenyuk Kertas JOB dan JOTB.
- 5.9 Calon dilarang membuat lubang atau apa-apa tanda yang tidak dikehendaki pada Kertas JOB dan JOTB.

## 6. AMARAN DI DEWAN/BILIK PEPERIKSAAN

Calon tidak dibenarkan:

- 6.1 melipat atau merenyuk kertas jawapan sama ada yang belum atau pun yang telah digunakan.
- 6.2 keluar dari Dewan/Bilik Peperiksaan 30 minit pertama peperiksaan dimulakan dan 10 minit terakhir sebelum peperiksaan ditamatkan kecuali dengan kebenaran Ketua Pengawas Peperiksaan.
- 6.3 membawa keluar dari Dewan/Bilik Peperiksaan kertas peperiksaan sebelum peperiksaan tamat.
- 6.4 mengganggu ketenteraman di dalam atau berhampiran Dewan/Bilik Peperiksaan semasa peperiksaan.
- 6.5 memakai pakaian yang tidak sopan dan mencolok mata.
- 6.6 merokok di dalam Dewan/Bilik Peperiksaan.

## **7. LARANGAN DI DEWAN/BILIK PEPERIKSAAN**

Calon dilarang:

- 7.1 membawa masuk sebarang catatan sama ada pada pakaian atau anggota badan, nota, dokumen seperti buku, lukisan, grafik, akhbar, kamus, kertas, Jadual Waktu Peperiksaan, Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan, telefon bimbit, alat-alat komunikasi atau peranti elektronik, bekas alat tulis dan beg ke dalam Dewan/Bilik Peperiksaan kecuali alat tambahan yang dibenarkan semasa peperiksaan.
- 7.2 menulis nota pada pakaian, anggota badan, dinding atau meja tulis di Dewan/Bilik Peperiksaan.
- 7.3 mendedahkan kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan sehingga boleh dibaca oleh calon lain.
- 7.4 memberikan pertolongan, mendapatkan pertolongan, berhubung dengan orang lain di dalam atau di luar Dewan/Bilik Peperiksaan walau dengan apa cara sekalipun yang boleh disabitkan dengan perbuatan salah laku dalam peperiksaan.
- 7.5 menukar kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan dengan calon lain.
- 7.6 menukar tempat duduk yang telah ditetapkan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengawas Peperiksaan.
- 7.7 menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak calon.
- 7.8 membuat rujukan di luar Dewan/Bilik Peperiksaan semasa peperiksaan.
- 7.9 membawa kertas peperiksaan keluar dari Dewan/Bilik Peperiksaan semasa peperiksaan.
- 7.10 membawa kertas/skrip jawapan peperiksaan sama ada yang belum ataupun yang telah digunakan keluar dari Dewan/Bilik Peperiksaan.
- 7.11 membawa kertas peperiksaan tertutup keluar dari Dewan/Bilik Peperiksaan.

## **8. PERINGATAN**

Calon yang melanggar sebarang peraturan peperiksaan dalam Bahagian D, Perkara 7 Larangan di Dewan/Bilik Peperiksaan dianggap salah laku dan akan menyebabkan calon dikenakan tindakan tatatertib. Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) salah laku ertinya menipu, menyamar, menyeludup apa-apa yang tidak dibenarkan atau apa-apa salah laku yang lain yang disifatkan sebagai suatu salah laku serius oleh Lembaga Peperiksaan. Calon yang disabitkan dengan mana-mana salah laku boleh dikenakan tindakan berikut: -

- i. keputusan peperiksaan digantung sementara menunggu selesainya penyiasatan;
- ii. keputusan peperiksaan mana-mana kertas peperiksaan dibatalkan;
- iii. keputusan peperiksaan yang dikendalikan di sesuatu pusat peperiksaan diisytiharkan terbatal.

**BAHAGIAN E**  
**ARAHAN KHAS**

KOD KERTAS DAN NAMA KERTAS	ARAHAN KHAS
2280/2 Geografi Kertas 2	Stensil peta tidak boleh digunakan.
<b>Kertas Peperiksaan Tertutup</b>  1225/1 Pendidikan Moral Kertas 1 2611/1 Pendidikan Seni Visual – Teori Seni Kertas 1 4572/1 Sains Sukan Kertas 1	Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah menyerahkan <b>baki</b> Kertas Peperiksaan 1225/1 Pendidikan Moral Kertas 1 kepada Sektor/Unit Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri.  Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah mengumpul semula Kertas Peperiksaan 2611/1 Pendidikan Seni Visual - Teori Seni Kertas 1 dan 4572/1 Sains Sukan Kertas 1 selepas tamat waktu peperiksaan mata pelajaran berkenaan dan menyerahkannya kepada Sektor/Unit Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri.
2611/2 Pendidikan Seni Visual – Ujian Melukis Kertas 2	Calon hendaklah menggunakan kertas lukisan yang dibekalkan oleh Lembaga Peperiksaan sahaja. Calon yang mengambil kertas 2611/2 Pendidikan Seni Visual – Ujian Melukis Kertas 2, hendaklah mengambil kertas peperiksaan daripada Ketua Pengawas Peperiksaan pada <b>2 Mac 2022 (Rabu)</b> .
3756/4 Prinsip Perakaunan Kertas 4 3766/4 Perniagaan Kertas 4	Calon persendirian yang mendaftar bagi mata pelajaran 3756 Prinsip Perakaunan dan 3766 Perniagaan <b>wajib menduduki</b> Kertas Peperiksaan 3756/4 Prinsip Perakaunan Kertas 4 dan 3766/4 Perniagaan Kertas 4
3759/1 Lukisan Kejuruteraan Kertas 1 3771/1 Grafik Komunikasi Teknikal Kertas 1	Calon hendaklah membawa semua alat lukisan kejuruteraan yang diperlukan seperti Sesiku T, Pembaris Skala, Papan Lukisan A3 (297 mm x 420 mm) dan alat-alat lukisan.
3763/1 Reka Cipta Kertas 1	Calon hendaklah membawa sendiri peralatan melukis dan peralatan mewarna.
7110/1 Pembuatan Perabot Kertas 1	Calon hendaklah membawa sendiri alat melukis dan pensel warna.
7207/1 Penjagaan Muka dan Penggayaan Rambut Kertas 1	Calon hendaklah membawa sendiri pensel warna dan <i>make-up kit</i> .
7301/1 Landskap dan Nurseri Kertas 1 7303/1 Tanaman Makanan Kertas 1	Calon hendaklah membawa sendiri peralatan melukis pelan dan peralatan mewarna.



KOD KERTAS DAN NAMA KERTAS	ARAHAN KHAS
3729/1 Pertanian <i>Kertas 1</i>	Calon hendaklah membawa sendiri pensel warna.
7101/1 Pembinaan Domestik <i>Kertas 1</i>	
7103/1 Kerja Paip Domestik <i>Kertas 1</i>	
7104/1 Pendawaian Domestik <i>Kertas 1</i>	
7105/1 Kimpalan Arka dan Gas <i>Kertas 1</i>	
7106/1 Menservis Automobil <i>Kertas 1</i>	
7107/1 Menservis Motosikal <i>Kertas 1</i>	
7108/1 Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyamanan Udara <i>Kertas 1</i>	
7109/1 Menservis Peralatan Elektrik Domestik <i>Kertas 1</i>	
7201/1 Rekaan dan Jahitan Pakaian <i>Kertas 1</i>	
7202/1 Katering dan Penyajian <i>Kertas 1</i>	
7203/1 Pemprosesan Makanan <i>Kertas 1</i>	
7205/1 Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak <i>Kertas 1</i>	
7208/1 Gerontologi Asas dan Geriatrik <i>Kertas 1</i>	
7302/1 Akuakultur dan Haiwan Rekreasi <i>Kertas 1</i>	
7403/1 Produksi Multimedia <i>Kertas 1</i>	
7405/1 Produksi Reka Tanda <i>Kertas 1</i>	
7406/1 Hiasan Dalaman <i>Kertas 1</i>	
7407/1 Reka Bentuk Grafik Digital <i>Kertas 1</i>	

Penggunaan Kalkulator	Calon dibenarkan mengguna kalkulator bagi kertas peperiksaan yang berkenaan.
-----------------------	--

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2021**  
**2 HINGGA 29 MAC 2022**

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MAKLUMAT PEPERIKSAAN
	CALON HADIR	KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN MEMBACAKAN ARAHAN	PEPERIKSAAN			
<b>RABU</b> <b>2</b> <b>MAC</b> <b>2022</b>	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 10.00 pagi 2 jam	1103/1	Bahasa Melayu Kertas 1	<i>Calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>  <i>Semak label berperekat</i>
	11.15 pagi	11.20 pagi	11.30 pagi - 12.30 tengah hari 1 jam	2611/1	Pendidikan Seni Visual - Teori Seni (Aneka Pilihan) Kertas 1	<i>Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
	2.15 petang	2.20 petang	2.30 petang - 5.00 petang 2 jam 30 minit	1103/2	Bahasa Melayu Kertas 2	<i>Calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>  <i>Semak label berperekat</i>
<b>KHAMIS</b> <b>3</b> <b>MAC</b> <b>2022</b>	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.30 pagi 1 jam 30 minit	1119/1	Bahasa Inggeris Kertas 1	<i>Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
	10.45 pagi	10.50 pagi	11.00 pagi - 12.30 tengah hari 1 jam 30 minit	1119/2	Bahasa Inggeris Kertas 2	<i>Calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>  <i>Semak label berperekat</i>
	2.15 petang	2.20 petang	2.30 petang - 5.00 petang 2 jam 30 minit	5226	Tasawwur Islam	<i>Calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>  <i>Semak label berperekat</i>

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2021**  
**2 HINGGA 29 MAC 2022**

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MAKLUMAT PEPERIKSAAN
	CALON HADIR	KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN MEMBACAKAN ARAHAN	PEPERIKSAAN			
<b>ISNIN</b> <b>7</b> <b>MAC</b> <b>2022</b>	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 10.15 pagi 2 jam 15 minit	5402/1	Al-Syariah Kertas 1	Calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan
				1223/1	Pendidikan Islam Kertas 1	Semak label berperekat
			8.00 pagi - 10.30 pagi 2 jam 30 minit	1225	Pendidikan Moral	Calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan
				5228	Pendidikan Syari'ah Islamiah	Semak label berperekat
				5304/1	Turath Dirasat Islamiah Kertas 1	Calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan
	2.15 petang	2.20 petang	2.30 petang - 4.00 petang 1 jam 30 minit	5302/2	Maharat Al-Quran Kertas 2	Calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan
			2.30 petang - 4.30 petang 2 jam	9378	Bahasa Punjabi	Semak label berperekat
			2.30 petang - 4.45 petang 2 jam 15 minit	5404	Manahij al-'Ulum al-Islamiah	
2.30 petang - 5.00 petang 2 jam 30 minit			3729/1	Pertanian Kertas 1	Calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan	
					Semak label berperekat	
<b>SELASA</b> <b>8</b> <b>MAC</b> <b>2022</b>	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 11.00 pagi 3 jam	2611/2	Pendidikan Seni Visual - Ujian Melukis Kertas 2	Calon mengisi butiran pada Kertas Lukisan
	2.15 petang	2.20 petang	2.30 petang - 4.00 petang 1 jam 30 minit	2621/1	Pendidikan Muzik Kertas 1	Calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan
			2.30 petang - 5.00 petang 2 jam 30 minit	3763/1	Reka Cipta Kertas 1	Semak label berperekat
<b>RABU</b> <b>9</b> <b>MAC</b> <b>2022</b>	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.00 pagi 1 jam	1249/1	Sejarah (Aneka Pilihan) Kertas 1	Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat
	10.00 pagi	10.05 pagi	10.15 pagi - 12.45 tengah hari 2 jam 30 minit	1249/2	Sejarah Kertas 2	Calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan
	2.15 petang	2.20 petang	2.30 petang - 5.00 petang 2 jam 30 minit	3770/1	Sains Komputer Kertas 1	Semak label berperekat
<b>KHAMIS</b> <b>10</b> <b>MAC</b> <b>2022</b>	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.30 pagi 1 jam 30 minit	1449/1	Matematik (Aneka Pilihan) Kertas 1	Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat
	10.15 pagi	10.20 pagi	10.30 pagi - 1.00 tengah hari 2 jam 30 minit	1449/2	Matematik Kertas 2	Calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan
	2.15 petang	2.20 petang	2.30 petang - 4.30 petang 2 jam	9221	Bible Knowledge	
			2.30 petang - 5.00 petang 2 jam 30 minit	5227/1	Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah Kertas 1	Calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan
				5303/1	Turath Al-Quran dan Al-Sunnah Kertas 1	Semak label berperekat

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2021**  
**2 HINGGA 29 MAC 2022**

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MAKLUMAT PEPERIKSAAN
	CALON HADIR	KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN MEMBACAKAN ARAHAN	PEPERIKSAAN			
ISNIN 14 MAC 2022	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.15 pagi 1 jam 15 minit	1511/1	Sains (Aneka Pilihan) Kertas 1	Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat
				4531/1	Fizik (Aneka Pilihan) Kertas 1	
	10.00 pagi	10.05 pagi	10.15 pagi - 12.45 tengah hari 2 jam 30 minit	1511/2	Sains Kertas 2	Calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan
				4531/2	Fizik Kertas 2	
	2.15 petang	2.20 petang	2.30 petang - 4.45 petang 2 jam 15 minit	5401/1	Usul al-Din Kertas 1	Calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan
				3769/1	Sains Rumah Tangga Kertas 1	Semak label berperekat
SELASA 15 MAC 2022	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.15 pagi 1 jam 15 minit	4572/1	Sains Sukan (Aneka Pilihan) Kertas 1	Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat
	10.00 pagi	10.05 pagi	10.15 pagi - 12.45 tengah hari 2 jam 30 minit	4572/2	Sains Sukan Kertas 2	Calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan
	2.15 petang	2.20 petang	2.30 petang - 5.00 petang 2 jam 30 minit	3760/1	Pengajian Kejuruteraan Mekanikal Kertas 1	
				3761/1	Pengajian Kejuruteraan Awam Kertas 1	
				3762/1	Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Kertas 1	
3768/1	Asas Kelestarian Kertas 1	Semak label berperekat				
RABU 16 MAC 2022	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.15 pagi 1 jam 15 minit	3766/1	Perniagaan (Aneka Pilihan) Kertas 1	Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat
				4551/1	Biologi (Aneka Pilihan) Kertas 1	
	10.00 pagi	10.05 pagi	10.15 pagi - 12.30 tengah hari 2 jam 15 minit	3766/2	Perniagaan Kertas 2	Calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan
			10.15 pagi - 12.45 tengah hari 2 jam 30 minit	4551/2	Biologi Kertas 2	Calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan
	2.15 petang	2.20 petang	2.30 petang - 5.00 petang 2 jam 30 minit	3766/4	Perniagaan Kertas 4	Semak label berperekat
KHAMIS 17 MAC 2022	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.15 pagi 1 jam 15 minit	3756/1	Prinsip Perakaunan (Aneka Pilihan) Kertas 1	Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat
	10.00 pagi	10.05 pagi	10.15 pagi - 12.45 tengah hari 2 jam 30 minit	3756/2	Prinsip Perakaunan Kertas 2	Calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan
	2.15 petang	2.20 petang	2.30 petang - 4.45 petang 2 jam 15 minit	5405	Al-Adab wa al-Balaghah	Calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan
			2.30 petang - 5.00 petang 2 jam 30 minit	3756/4	Prinsip Perakaunan Kertas 4	Semak label berperekat

JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2021  
2 HINGGA 29 MAC 2022

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MAKLUMAT PEPERIKSAAN
	CALON HADIR	KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN MEMBACAKAN ARAHAN	PEPERIKSAAN			
ISNIN 21 MAC 2022	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.15 pagi 1 jam 15 minit	4541/1	Kimia (Aneka Pilihan) Kertas 1	Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat
				4561/1	Sains Tambahan (Aneka Pilihan) Kertas 1	
	10.00 pagi	10.05 pagi	10.15 pagi - 12.45 tengah hari 2 jam 30 minit	4541/2	Kimia Kertas 2	Calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan
				4561/2	Sains Tambahan Kertas 2	
2.15 petang	2.20 petang	2.30 petang - 5.00 petang 2 jam 30 minit	3754/1	Pengajian Keusahawanan Kertas 1	Semak label berperekat	
SELASA 22 MAC 2022	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 10.30 pagi 2 jam 30 minit	2206	Kesusasteraan Inggeris	Calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan
				2216/1	Kesusasteraan Melayu Komunikatif Kertas 1	
				9216	Kesusasteraan Cina	
				9217	Kesusasteraan Tamil	
	11.15 pagi	11.20 pagi	11.30 pagi - 12.45 tengah hari 1 jam 15 minit	2280/1	Geografi (Aneka Pilihan) Kertas 1	Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat
2.15 petang	2.20 petang	2.30 petang - 5.00 petang 2 jam 30 minit	2280/2	Geografi Kertas 2	Calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan Semak label berperekat	
KHAMIS 24 MAC 2022	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 10.00 pagi 2 jam	3472/1	Matematik Tambahan Kertas 1	Calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan
	2.15 petang	2.20 petang	2.30 petang - 5.00 petang 2 jam 30 minit	3472/2	Matematik Tambahan Kertas 2	
ISNIN 28 MAC 2022	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.45 pagi 1 jam 45 minit	6351/1	Bahasa Cina Kertas 1	Calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan
				6354/1	Bahasa Tamil Kertas 1	
				6356/1	Bahasa Iban Kertas 1	
				6357/1	Bahasa Kadazandusun Kertas 1	
				6358	Bahasa Semai	
			8.00 pagi - 10.30 pagi 2 jam 30 minit	2361/1	Bahasa Arab Kertas 1	Semak label berperekat
	2.15 petang	2.20 petang	2.30 petang - 4.45 petang 2 jam 15 minit	5403/1	Al-Lughah al-Arabiah al- Mu'asirah Kertas 1	Calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan
				6351/2	Bahasa Cina Kertas 2	Calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan
				6354/2	Bahasa Tamil Kertas 2	
				6356/2	Bahasa Iban Kertas 2	
6357/2				Bahasa Kadazandusun Kertas 2	Semak label berperekat	
		2.30 petang - 5.00 petang 2 jam 30 minit	5305/1	Turath Bahasa Arab Kertas 1		

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2021**  
**2 HINGGA 29 MAC 2022**

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MAKLUMAT PEPERIKSAAN
	CALON HADIR	KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN MEMBACAKAN ARAHAN	PEPERIKSAAN			
<b>SELASA</b>  <b>29</b> <b>MAC</b> <b>2022</b>	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.15 pagi 1 jam 15 minit	3767/1	Ekonomi (Aneka Pilihan) <i>Kertas 1</i>	<i>Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
	10.15 pagi	10.20 pagi	10.30 pagi - 12.45 tengah hari 2 jam 15 minit	3767/2	Ekonomi <i>Kertas 2</i>	
	2.15 petang	2.20 petang	2.30 petang - 4.30 petang 2 jam	7101/1	Pembinaan Domestik <i>Kertas 1</i>	<i>Calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>  <i>Semak label berperekat</i>
				7103/1	Kerja Paip Domestik <i>Kertas 1</i>	
				7104/1	Pendawaian Domestik <i>Kertas 1</i>	
				7105/1	Kimpalan Arka dan Gas <i>Kertas 1</i>	
				7106/1	Menservis Automobil <i>Kertas 1</i>	
				7107/1	Menservis Motosikal <i>Kertas 1</i>	
				7108/1	Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyamanan Udara <i>Kertas 1</i>	
				7109/1	Menservis Peralatan Elektrik Domestik <i>Kertas 1</i>	
				7110/1	Pembuatan Perabot <i>Kertas 1</i>	
				7201/1	Rekaan dan Jahitan Pakaian <i>Kertas 1</i>	
				7202/1	Katering dan Penyajian <i>Kertas 1</i>	
				7203/1	Pemprosesan Makanan <i>Kertas 1</i>	
				7205/1	Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak <i>Kertas 1</i>	
				7207/1	Penjagaan Muka dan Pengayaan Rambut <i>Kertas 1</i>	
				7208/1	Gerontologi Asas dan Geriatrik <i>Kertas 1</i>	
				7301/1	Landskap dan Nurseri <i>Kertas 1</i>	
				7302/1	Akuakultur dan Haiwan Rekreasi <i>Kertas 1</i>	
				7303/1	Tanaman Makanan <i>Kertas 1</i>	
				7403/1	Produksi Multimedia <i>Kertas 1</i>	
			7405/1	Produksi Reka Tanda <i>Kertas 1</i>		
			7406/1	Hiasan Dalaman <i>Kertas 1</i>		
7407/1	Reka Bentuk Grafik Digital <i>Kertas 1</i>					
2.30 petang - 5.00 petang 2 jam 30 minit	3759/1	Lukisan Kejuruteraan <i>Kertas 1</i>				
	3771/1	Grafik Komunikasi Teknikal <i>Kertas 1</i>				

**JADUAL MASA TAMBAHAN  
CALON BERKEPERLUAN KHAS**

Masa tambahan yang diperuntukkan ini adalah untuk semua jenis Kertas Peperiksaan. Terdapat dua kategori masa tambahan bagi calon berkeperluan khas iaitu Kategori A dan Kategori B.

**Kategori A: Calon Masalah Pembelajaran, Kurang Upaya Penglihatan (Buta), Kurang Upaya Penglihatan (Rabun), Kurang Upaya Pelbagai dan Kurang Upaya Fizikal.**

1. Calon kemalangan yang layak mendapat masa tambahan ialah calon yang tidak boleh menulis dengan tangan yang biasa digunakan untuk menulis.
2. Kecederaan lain boleh diberi pertimbangan atas nasihat Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri (u.p.: Sektor/Unit Pentaksiran dan Peperiksaan)

<b>Bil.</b>	<b>Masa yang diperuntukkan dalam Jadual Waktu Peperiksaan</b>	<b>Masa tambahan yang diberi</b>
1	1 jam atau kurang hingga 1 jam 30 minit	30 minit
2	Lebih 1 jam 30 minit hingga 2 jam 30 minit	1 jam
3	Lebih 2 jam 30 minit	1 jam 30 minit

**Kategori B: Calon Kurang Upaya Pendengaran/Kurang Upaya Pertuturan**

<b>Bil.</b>	<b>Masa yang diperuntukkan dalam Jadual Waktu Peperiksaan</b>	<b>Masa tambahan yang diberi</b>
1	1 jam	15 minit
2	1 jam 15 minit	20 minit
3	1 jam 30 minit	25 minit
4	1 jam 45 minit	30 minit
5	2 jam	30 minit
6	2 jam 15 minit	35 minit
7	2 jam 30 minit	40 minit
8	3 jam	45 minit

**AMARAN PEPERIKSAAN/PENTAKSIRAN**

Calon yang menduduki peperiksaan di dewan/bilik peperiksaan dilarang:

1. membawa masuk sebarang catatan sama ada pada pakaian atau anggota badan, nota, dokumen seperti buku, lukisan, grafik, akhbar, kamus, kertas, Jadual Waktu Peperiksaan, Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan, telefon bimbit, alat-alat komunikasi atau peranti elektronik, bekas alat tulis dan beg ke dalam dewan/bilik peperiksaan kecuali alat tambahan yang dibenarkan semasa peperiksaan.
2. menulis nota pada pakaian, anggota badan, dinding atau meja tulis di dewan/bilik peperiksaan.
3. mendedahkan kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan sehingga boleh dibaca oleh calon lain.
4. memberikan pertolongan, mendapatkan pertolongan, berhubung dengan orang lain di dalam atau di luar dewan/bilik peperiksaan walau dengan apa cara sekalipun yang boleh disabitkan dengan perbuatan salah laku dalam peperiksaan.
5. menukar kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan dengan calon lain.
6. menukar tempat duduk yang telah ditetapkan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengawas Peperiksaan.
7. menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak calon.
8. membuat rujukan di luar dewan/bilik peperiksaan semasa peperiksaan.
9. membawa kertas/skrip jawapan peperiksaan keluar dari dewan/bilik peperiksaan.

Calon yang tidak mematuhi **Amaran Peperiksaan/Pentaksiran** dianggap telah melakukan salah laku dan akan menyebabkan calon dikenakan tindakan tatatertib. Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) salah laku ertinya menipu, menyamar, menyeludup apa-apa yang tidak dibenarkan atau apa-apa salah laku yang lain yang disifatkan sebagai suatu salah laku serius oleh Lembaga Peperiksaan. Calon yang disabitkan dengan mana-mana salah laku boleh dikenakan tindakan berikut:-

1. keputusan peperiksaan digantung sementara menunggu selesainya penyiasatan;
2. keputusan peperiksaan mana-mana kertas peperiksaan dibatalkan;
3. keputusan peperiksaan yang dikendalikan di sesuatu pusat peperiksaan diisytiharkan terbatal.

**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**BORANG PENGAKUAN CALON**

<b>1. NAMA CALON</b>		
<b>2. ANGKA GILIRAN</b>		
<b>3. NOMBOR KAD PENGENALAN</b>		
<b>4. PEPERIKSAAN</b>		<b>TAHUN</b>
<b>5. PENGAKUAN CALON</b>		
Saya mengaku telah membaca dan akan mematuhi semua <b>Amaran Peperiksaan/Pentaksiran</b> seperti yang dinyatakan di atas.		
Tandatangan: .....		Tarikh: .....
<b>6. PENGESAHAN PENGETUA/PEGAWAI JABATAN PENDIDIKAN NEGERI</b>		
Tandatangan: .....		Tarikh: .....

**NOTA:** Borang Pengakuan Calon yang telah dilengkapkan hendaklah diserahkan kepada Pengetua bagi calon sekolah atau Jabatan Pendidikan Negeri bagi calon persendirian. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri/sekolah/institut hendaklah menyimpan Borang Pengakuan Calon sehingga enam bulan selepas tarikh pengumuman keputusan peperiksaan.